

## GENERASI BAHARU AL-FATEH: ENAM ATRIBUT PEMBANGUNAN KEPIMPINAN DI UPNM

Hj. Hasan Al-Banna Bin Mohamed<sup>1</sup>, Noor Azmi Mohd Zainol<sup>2</sup>, Burhanuddin Bin Jalal<sup>3</sup>, Ariffin Ismail<sup>4</sup>, Wan Hashim Bin Wan Teh<sup>5</sup>, Ahmad Thamrini Fadzlin Bin Syed Mohamed<sup>6</sup> & Hilmi Azani Bin Husain<sup>7</sup>

*Universiti Pertahanan Nasional Malaysia*  
*hasanalbanna@upnm.edu.my*

### ABSTRAK

Kepimpinan Muhammad Al-Fateh merupakan suatu model kepimpinan yang diilhamkan oleh Junjungan Nabi Muhammad SAW dan dibuktikan selepas 600 tahun kemudiannya seperti yang disabdakan oleh Baginda SAW semasa Peperangan Khandak sebelum itu. Model kepimpinan Al-Fateh ini telah mula dibangunkan selepas itu sehinggalah pada zaman Sultan Muhammad II di Turki. Kepimpinan unggul yang merangkumi kedua-dua dimensi jasmani dan rohani telah menjadi inspirasi kepada pembangunan model-model kepimpinan seterusnya. Sehubungan dengan itu, kertas kerja ini bertujuan mengupas secara terperinci berkaitan satu model kepimpinan yang telah dibangun dan sedang dilaksanakan di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM). Model kepimpinan ini dikenali sebagai ‘*Leaders of Character*’ yang membabitkan enam atribut utama iaitu (i) Bergraduan, (ii) Imam atau Pemimpin Kerohanian, (iii) Pentauliah, (iv) Seni Mempertahankan Diri atau Tali Pinggang Hitam, (v) Bersukan, dan (vi) Pegawai Budiman. Kesemua atribut tersebut akan dibincangkan dalam kertas kerja ini dengan huraian berteraskan model kepimpinan bagi generasi baharu Al-Fateh agar dapat menjadi teladan sepanjang zaman.

**Kata Kunci:** Model Kepimpinan, *Leaders of Character*, Atribut, Al-Fateh

### PENGENALAN

Kepimpinan dalam konteks ajaran Islam sering dikaitkan dengan istilah *Khalifah* dalam Bahasa Arab. Malah konsep kepimpinan ini telahpun bermula semenjak kewujudan Nabi Adam AS yang pertama kalinya dicipta oleh Allah SWT dengan unsur tanah. Kemudian diarahkan untuk para malaikat dan jin untuk sujud hormat kepada Nabi Adam AS yang akhirnya mengakibatkan bangsa jin yang sombong itu menjadi kufur kepada Penciptanya. Perkara ini jelas ditegaskan menerusi Al-Qur’an yang bermaksud:

“Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: *Sesungguhnya Aku hendak*

---

<sup>1</sup> Fakulti Pengurusan & Pengajian Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)

<sup>2</sup> Fakulti Pengurusan & Pengajian Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)

<sup>3</sup> Fakulti Pengurusan & Pengajian Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)

<sup>4</sup> Fakulti Pengurusan & Pengajian Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)

<sup>5</sup> Fakulti Pengurusan & Pengajian Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)

<sup>6</sup> Pusat Bahasa, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)

<sup>7</sup> Pusat Bahasa, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)

*menjadikan seorang khalifah di bumi. Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu? Tuhan berfirman: Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya”.*  
(Al-Baqarah: 30)

Justeru, kepimpinan Nabi Adam AS diteruskan di bumi sehingga kepada zaman Rasulullah SAW sebagai *Khatimul Anbiya'* (penutup segala rasul) untuk menjadi *Khalifah* (pemimpin) yang bertanggungjawab mengurus tadbir segala perkara di dunia bagi menuju kembali ke hariakhirat. Ahmad Shantut Khalid (2003), menyatakan bahawa kepimpinan adalah satu sifat semulajadi individu yang mempunyai keupayaan untuk memimpin sekumpulan manusia, di samping menentukan setiap orang bawahannya sentiasa bermotivasi. Dalam dunia yang semakin mencabar dan tidak menentu dewasa ini, sesebuah organisasi sangat memerlukan pemimpin-pemimpin yang luar biasa dan mampu menyerlah kemampuannya (Zulkifli et al., 2019). Keupayaan pemimpin membuat perancangan, pengarah dan penyeliaan sesuatu tugas yang dipertanggungjawabkan dalam kepimpinannya akan membawa kejayaan dan kecemerlangan organisasi tersebut (Noor Azmi et al., 2019a). Kejayaan dan kecemerlangan tersebut mampu diperolehi melalui kepimpinan yang profesional dan berakhlak mulia. Islam menegaskan melalui firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kepada Allah dan taatlah kepada Rasul dan pemerintah dalam kalangan kamu”*  
(An-Nisa': 59)

Petikan ayat tersebut jelas menyatakan bahawa Allah SWT mengangkat pemimpin pada kedudukan yang tinggi. Namun begitu, kedudukan istimewa tersebut turut diancam dengan sabda Rasulullah SAW melalui nasihat kepada sahabatnya; Abu Dzar Al-Ghifari berkaitan dengan amanah yang dipertanggungjawabkan sekiranya berlaku penyelewengan. Penegasan ini melalui Hadith berikut:

Daripada Abu Dzar RA, katanya dia pernah bertanya kepada Rasulullah SAW: Ya Rasulullah! Apakah engkau tidak hendak mengangkatku untuk memegang suatu jawatan pemerintahan?” Lalu Baginda menepuk bahu dengan tangan beliau seraya berkata, “Hai Abu Dzar! Engkau ini lemah. Sedangkan pekerjaan itu amanah, yang pada hari kiamat kelak dipertanggungjawabkan dengan penuh kehinaan dan penyesalan, kecuali bagi orang yang memenuhi syarat dan dapat melaksanakan tugas yang dibebankan kepadanya dengan baik.” (Hadith Sahih Muslim, Jilid 4, no: 1793)

Oleh yang demikian, konsep kepimpinan ini bukanlah perkara yang mudah kerana ia memerlukan satu akauntabiliti yang jitu (Hasan Al-Banna, 2018) dan sering menjadi topik penting bagi melestarikan pelaksanaan pengurusan sesebuah organisasi ataupun masyarakat atau negara yang lebih baik, sempurna dan berkualiti. Sekiranya pemimpin negara adalah baik, maka rakyat jelatanya akan mendapat manfaat daripada kebaikan yang dilakukannya. Begitulah juga yang berlaku seperti dalam sesebuah organisasi. Keberkesanan sebuah organisasi sebenarnya dipengaruhi oleh setiap pemimpin menerusi kaedah dan teknik pengaruh terhadap pengikut atau pekerja bawahannya dalam organisasi berkenaan (Robbins, 2005; Kaiser et al., 2008; Yulk,

2008).

Sehubungan dengan itu, pada setiap zaman sudah pasti wujud idola-idola dan contoh teladan yang harus diikuti oleh anak bangsa agar dapat mewarisi kepimpinan yang unggul daripada Nabi Adam AS sehinggalah ke zaman junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Rentetan itu, dalam kertas kerja ini penulis akan membicarakan serba sedikit susuk tubuh seorang pemimpin yang telah disabdakan oleh junjungan besar Nabi Muhammad SAW sebelum 600 tahun kepimpinan beliau terserlah. Pemimpin tersebut tidak lain adalah yang dikenali sebagai Sultan Muhammad al-Fateh atau Sultan Muhammad II dari Empayar Uthmaniyyah di Turki (Muhammad Ali, 2016). Seterusnya, artikel ini turut mengupas tentang satu model kepimpinan generasi baharu Al-Fateh tersebut seperti yang telah dibangun dan sedang dilaksanakan di sebuah institusi pendidikan tinggi yang menerapkan elemen-elemen ketenteraan dalam kalangan pelajarannya iaitu di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM). Konsep kepimpinan generasi baharu Al-Fateh ini sangat penting dibicarakan kerana pelaksanaannya mampu melahirkan anak bangsa yang berdisiplin, berintegriti, bermaruah dan bertanggungjawab, holistik dan seimbang jasmani dan rohaninya demi mendepani mehnah pada masa hadapan.

## LATAR BELAKANG

Konsep kepimpinan Al-Fateh ini secara awalnya bermula hasil daripada Rasulullah SAW yang pernah bersabda semasa Baginda menggali parit sebagai persiapan Peperangan *Khandaq* dalam hadith yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad, yang bermaksud:

فنتحن القسطنطينية، ولنعم الأمير أميرها، ولنعم الجيش ذلك الجيش

*“Kota Konstantinopol (kini Istanbul) akan jatuh ke tangan tentera Islam. Rajanya adalah sebaik-baik raja, tenteranya adalah sebaik-baik tentera.”*

*(Riwayat Imam Ahmad Hanbal)*

Kemudian, selepas itu bermulalah usaha-usaha daripada para sahabat Baginda SAW untuk menakluki Kota Konstantinopol yang begitu utuh tersebut dengan pertamanya diketuai oleh Saidina Ali Karamallahu Wajhah dan diteruskan oleh beberapa kerajaan Islam selepas itu sehinggalah ke zaman Kerajaan Uthmaniyyah. Selanjutnya, usaha penaklukan ini diteruskan lagi oleh Khalifah Muawiyah Abi Sufian pada tahun 84 Hijrah, seterusnya oleh Sultan Sulaiman pada tahun 91 Hijrah, Khalifah Harun al-Rasyid pada tahun 165 Hijrah dan Sultan Beyazid pada tahun 1391, 1397 serta 1400 (Muhammad Syaari, 2015). Namun, usaha-usaha tersebut menemui jalan kebuntuan.

Kegagalan demi kegagalan para pemimpin Islam yang terdahulu melalui beberapa siri serangan telah menguatkan lagi semangat para pemimpin Islam seterusnya bagi membuktikan kebenaran hadith Rasulullah SAW. Menurut Shaw (1976), beberapa khalifah dan pemimpin Islam sebelum itu telah berusaha untuk menakluki Kota Konstantinopol. Akhirnya, seorang sultan yang berjiwa besar, berkeperibadian unggul, mempunyai kemahiran dan kepakaran dalam pelbagai bidang dan bahasa serta nilai kerohanian yang luar biasa iaitulah Sultan Muhammad II telah membuahkan hasil dengan menakluki kota tersebut pada 29 Mei 1453 yang dikenali kini sebagai kota ISTANBUL.

Sultan Muhammad Al-Fateh ini dilahirkan di sebuah wilayah yang dikenali sebagai Edirne pada tanggal 19 April 1429. Ada juga pendapat menyatakan bahawa tarikh kelahiran beliau adalah pada 29 Mac 1432. Keperibadian beliau terserlah menerusi kecintaannya bukan sahajaterhadap ilmu-ilmu agama, malah pelbagai bidang ilmu akademik yang lain seperti sains, falsafah, kesusasteraan, kesenian, kejuruteraan, kesenian dan pembinaan. Kecemerlangan tersebut adalah hasil didikan ayahandanya, Sultan Murad II serta beberapa ulama terkenal seperti Syeikh Muhammad Ismail al-Kurani dan Syeikh Semseddin al-Wali (ulama/ penasihat). Semasa berusia 20 tahun, beliau telah diangkat menjadi Sultan yang memerintah kerajaan Uthmaniyyah pada masa tersebut dan bermulalah saat menzahirkan hasratnya bagimerealisasikan hadith Rasulullah SAW menerusi kesiapsiagaan ketumbukan tenteranya untukmenawan kota berkenaan.

Hasil strategi dan perancangan rapi oleh Al-Fateh yang berupaya membuka kota Istanbul telah mula dikaji dan diteliti oleh sarjana-sarjana selepas itu sehingga kini untuk mencari rahsia- rahsia kejayaan konsep kepimpinan unggul tersebut. Tambahan pula menurut Ahmad Ibrahim Abu Sin (1997), kualiti dan produktiviti kepimpinan dalam Islam seharusnya berpaksikan kepada nilai-nilai murni yang mampu mengerakkan seseorang untuk melakukan tugas, mengambil kira bukan sahaja ganjaran duniawi dalam bentuk ganjaran material; tetapi juga aspek dalaman (batin dan rohani). Manakala Abdul Aziz (2000) turut menjelaskan bahawa kepimpinan yang cemerlang menurut kacamata Islam adalah tertakluk kepada ukuran *Mardatillah* (mendapat keredaan Allah SWT) untuk mencapai kejayaan hakiki.

Oleh itu, antara rahsia kejayaan besar yang telah dilaksanakan oleh Sultan Al-Fateh ialah menumpukan aspek atau program-program kerohanian bagi setiap anggota tenteranya yang termasuklah:

- pemilihan dan latihan anggota tenteranya yang terdiri daripada penghafal Al-Qur'an;
- mengutamakan anggota yang tidak meninggalkan solat Fardhu dan solat-solat sunat;
- pemimpin sendiri yang bersifat Mahmudah bagi mempengaruhi orang bawahannya untuk berakhlak mulia;
- Sentiasa mendamping diri dengan ulama atau tokoh-tokoh agamawan bagi memperoleh pandangan dan idea-idea yang tidak melanggar perintah Allah SWT dan rasulNya.

Hal ini menurut McGonagill dan Pruyn (2011) dan Ospina et al. (2011) bahawa dalam konteks melahirkan seorang pemimpin yang berkualiti dalam sesebuah organisasi serta mempunyai ciri-ciri yang baik seperti bekerjasama dalam satu pasukan, dapat mengekalkan komitmen dalam organisasi dan meningkatkan prestasi serta matlamat organisasi ialah dengan mengadakan program-pogram yang membina pemimpin dalam organisasi berkenaan. Justeru, pembangunan model kepimpinan baharu yang diinspirasi kepada konsep kepimpinan Al- Fateh telah dibangun dan sedang dilaksanakan khususnya di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Kuala Lumpur sejak mula ditubuhkan sehingga kini. Dalam kertas kerja ini, penulis akan membincangkan secara terperinci model kepimpinan intelektual berkarakter (*Intellectual Leader of Characters*) tersebut dengan bertunjangkan kepada enam atribut utama yang ditetapkan.

## PERBINCANGAN

Pihak pengurusan UPNM telah menetapkan enam ciri kepimpinan yang hebat sebagai garis panduan bagi melahirkan graduan pegawai tentera yang gemilang, holistik serta seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelektual (J.E.R.I). Keenam-enam atribut berkenaan sekiranya dipenuhi oleh setiap pelajarnya, pasti akan memberi impak yang positif kepada bakal pemimpin pada masa akan datang terutamanya pemimpin ketenteraan dalam negara.

Berikut adalah huraian secara terperinci tentang enam atribut utama yang diterapkan dalam setiap Pegawai Kadet UPNM dalam melahirkan pemimpin intelektual yang berkarakter iaitu meliputi:

### **ENAM ATRIBUT PEMIMPIN INTELEK BERKARAKTER (*INTELLECTUAL LEADERS OF CHARACTER*)**

#### **(1) Bergraduan**

Kementerian Pertahanan Malaysia baru-baru ini melancarkan satu dasar iaitu menerusi Kertas Putih Pertahanan telah membicarakan tentang komitmen kerajaan untuk memperkasakan pertahanan dan daya tahan negara bagi melindungi kepentingan negara dan mempertahankan kedaulatan serta keutuhan wilayah (KPP, 2019). Keamanan dan keselamatan ini tidak akan berjaya diperolehi, tanpa ada satu strategi dan kerangka yang jelas, kesiapsiagaan yang ampuh, peruntukan kewangan yang mencukupi serta anggotatentera yang berkualiti dan berhemah tinggi. Di samping itu, penekanan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sendiri kepada kepentingan mempelajari ilmu pengetahuan yang merupakan pertahanan negara di barisan hadapan (*education as the first line of defence*). Oleh kerana inilah, ATM telah bersetuju sejak tahun 2006 lagi dengan proses menaik taraf Akademi Tentera Malaysia (ATMA) kepada sebuah IPT Awam menjadi realiti dengan nama baharu iaitu Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM). Hasilnya, ATM akan dapat memastikan setiap anggota pegawainya memperoleh segulung ijazah sarjana muda dengan bergraduat dalam bidang-bidang tertentu. Pegawai tentera yang lulus akademik di UPNM haruslah mendapat minimum kelulusan akademik iaitu CGPA 2.075 pada setiap semester. Selain itu, para pelajar UPNM mesti menghabiskan pengajian mereka dalam tempoh yang telah ditetapkan tanpa berkecuali. Sekiranya pegawai kadet berkenaan gagal, maka mereka tidak akan ditauliahkan dalam ATM.

Sesungguhnya konsep mempelajari ilmu pengetahuan dan mendapat ijazah daripada cendiakiawan (*Murabbi*) di menara gading ini sebenarnya menjadi satu simbolik dalam ajaran Islam sendiri yang amat mementingkan konsep ilmu pengetahuan yang diambil daripada *Murabbi* yang *Mursyid*. Malah, Allah SWT telah menegaskan bahawa darjat orang yang berilmu pastinya tidak sama dengan golongan yang tiada berilmu pengetahuan seperti firmanNya dalam al-Qur'an yang bermaksud:

*“Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?  
“Sesungguhnya orang yang berakallah yang dapat menerima pelajaran”* (Az-Zumar: 9)

Selain itu, Allah SWT amat memuliakan orang yang berilmu dengan mengiktiraf penyaksian orang-orang yang berilmu selepas penyaksian terhadap Allah SWT dan malaikat (Noor Azmi et al., 2019b). Kemuliaan orang yang berilmu ini ditekankan lagi melalui firman Allah SWT:

*“Allah akan meninggikan orang-orang yang beriman di antaramu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa darjat.”*

*(Al-Mujadalah:11)*

Hal ini merupakan perbezaan yang jelas dalam pegangan ajaran Islam mendefinisikan ilmu pengetahuan berbanding dengan Barat, iaitu ilmu pengetahuan merupakan satu hakikat kebenaran yang mempunyai konsep hubungan langsung dengan Tuhan Pencipta dan Pemilik Alam. Ilmu pengetahuan dalam pandangan tradisi Islam merupakan satu ikatan pengertian yang terjalin di antara manusia dengan Tuhannya yang berkuasa menggerak manusia untuk meneliti, mengkaji, menyelidik dan menerokai segala bentuk kejadian yang terdapat dalam alam supaya akhirnya menzahirkan pengakuan terhadap kebesaran Allah SWT (Noor Azmi et al., 2019b).

## **(2) Pentauliah**

Keistimewaan kedua bagi pegawai kadet di UPNM adalah mereka akan dianugerahkan ijazah dan pentauliah sebanyak dua kali oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Ijazah mereka akan disempurnakan dalam Majlis Istiadat Konvokesyen di UPNM, manakala Majlis Pengurniaan Watikah Pentauliah dilaksanakan oleh pihak Akademi Latihan Ketenteraan (ALK) oleh Kementerian Pertahanan sendiri. Oleh itu, setiap Pegawai Kadet mesti melepasi semua latihan ketenteraan umum (LKU) secara amali dan praktikal yang telah digariskan oleh ALK. Sekiranya gagal dalam sesuatu bidang yang telah ditetapkan, maka Pegawai Kadet tersebut tidak akan ditauliahkan. Manakala sekiranya menyebabkan kes-kes disiplin, mereka akan dibuang dari perkhidmatan; lantaran perlu membayar balik pembiayaan yang telah dikeluarkan oleh pihak ATM.

Konsep ini dalam Islam menggambarkan bahawa seseorang individu khususnya sebagai pelajar harus sentiasa melengkapkan diri mereka dengan ilmu-ilmu pengetahuan dan kemahiran pada setiap masa dan sepanjang zaman tanpa rasa jemu. Hal ini disabdakan oleh junjungan besar Nabi Muhammad SAW yang bermaksud: ‘Menuntut ilmu adalah suatu kewajiban bagi setiap Muslim’. Malah hadith lain menerangkan bahawa menuntut ilmu bermula dari buaian sehinggalah ke liang lahad yang menggambarkan konsep *‘life long learning’* yang tiada penghujungnya dalam menuntut ilmu pengetahuan. Proses menuntut ilmu dan kepentingan terhadap ilmu amat dititikberatkan sebagaimana yang termaktub dalam al-Qur’an yang bermaksud:

“Allah telah menyaksikan bahawasanya tiada tuhan melainkan Dia jua, begitu jugapara malaikat dan orang yang berilmu juga turut menyaksikan perkara yang sama iaitu Tuhan yang berdiri atas keadilan”

*(‘Ali-Imran:18)*

## **(3) Imam atau Pemimpin Kerohanian**

Konsep ‘Imam’ biasanya disinonimkan dengan definisi sebagai ‘Pemimpin’, cuma kebiasaan istilah ‘Imam’ ini dikaitkan dengan ibadat khusus kepada Allah SWT sepertisolat iaitu seorang

imam akan berdiri di hadapan para makmum atau Jemaah lain. Jika dirujuk dalam ajaran Islam, peranan seseorang adalah bermula menjadi ketua diperingkat bawahan dahulu seperti dalam keluarga, kemudiannya masyarakat, komuniti dan akhirnya dalam negara. Rentetan konsep ketua atau Imam tersebut, maka UPNM telah memperkenalkan atribut seterusnya iaitu Imam atau Pemimpin Kerohanian kepada para pelajar. Sehubungan itu, setiap Pegawai Kadet diwajibkan untuk mengikuti kursus-kursus tertentu seperti Ujian Fardhu Ain, Fardhu Kifayah, penyampaian Khutbah Jumaat, Kursus Perkahwinan, Latihan Praktikal Umrah dan Ibadat Haji, Kursus Sembelihan dan sebagainya. Kesemua kursus atau latihan tersebut diberikan kepada para pelajar bertujuan untuk membina semangat kepimpinan dan menjadi benteng diri apabila berhadapan dengan pelbagai tribulasi pada masa akan datang. Peranan sebagai seorang imam juga amat besar tanggungjawabnya dalam memelihara kesejahteraan organisasi, yang terletak pada usaha diri sendiri terlebih dahulu dalam menjaga agama (*deen*), jiwa (*nafs*), intelek (*aql*), keturunan (*nasl*), dan harta (*mal*) (Burhanuddin, 2019).

Manakala untuk para pelajar atau Pegawai Kadet bukan Islam, pengertian imam atau pemimpin kerohanian menurut pandangan agama masing-masing adalah tetap relevan dan membawa pengertian betapa perlunya mereka menjadi seorang ketua yang berupaya membimbing organisasi masing-masing dalam konteks spiritual mengikut kepercayaan masing-masing. Justeru, UPNM turut membantu menyediakan sokongan berkaitan dengan mereka seperti kemudahan pengangkutan untuk mereka menunaikan hak masing-masing sama ada di gereja, kuil atau rumah-rumah ibadat tertentu.

#### **(4) Seni Mempertahankan Diri atau Tali Pinggang Hitam**

Salah satu ciri yang menentukan kesiapsiagaan sebagai seorang pejuang adalah kesediaan dan keberanian berhadapan dengan musuh. Oleh itu, menerusi latihan intensif dalam latihan Tempur Tanpa Senjata (TTS) ataupun aktiviti Seni Mempertahankan Diri, maka pemantapan dari segi keyakinan diri seseorang dapat diterapkan dalam kalangan Pegawai Kadet ataupun pelajar awam di UPNM. Keseluruhan silibus yang dirangka dalam kedua-dua latihan tersebut diharap mampu memberi keyakinan yang tinggi dalam kalangan pelajar agar pembangunan karakter dan latihan kepimpinan menjadi realiti. Justeru, UPNM menerusi batuan ALK telah mengarahkan para pelajar khususnya Pegawai Kadet wajib menjalani latihan TTS sehingga memperoleh tali pinggang hitam. Malah, latihan TTS dan Seni Mempertahankan Diri tersebut telah dijadikan salah satu kokurikulum yang berkredit dalam pengajian Pegawai Kadet dan pelajar awam di UPNM.

#### **(5) Bersukan**

Seseorang yang terlibat dalam aspek sukan sangat dituntut oleh ajaran Islam disebabkan konsep akal yang cerdas adalah berpunca daripada badan fizikal yang sihat. Oleh itu, penglibatan pelajar di UPNM telah dirutinkan agar melibatkan diri dalam aktiviti suka dengan memperkenalkan atribut seterusnya: 1 Pelajar: 1 Sukan. Hal ini demikian kerana faedah menerusi aktiviti kokurikulum ataupun bersukan ini mampu untuk mengimbangi antara kesihatan para pelajar dengan aktiviti akademiknya. Di samping itu, melalui penglibatan pelajar dalam sukan, maka mereka secara tidak langsung dapat belajar mengkoordinasi dalam aktiviti berpasukan dan hal ini

sekaligus membentuk elemen kualiti kepimpinan dalam diri mereka. UPNM menerusi Akademi Kecergasan Pertahanan (AKP) dan Akademi Latihan Ketenteraan (ALK) saling bergandingan antara satu sama lain untuk melatih pegawai-pegawai kadet dan juga para pelajar awamsupaya mereka sentiasa sihat sepanjang masa, di samping mempunyai tahap kecergasan yang telah ditetapkan oleh ATM. Oleh yang demikian, pihak ALK telah mewajibkan semua Pegawai Kadet di UPNM terlibat sekurang-kurangnya satu sukan sepanjang beradadi universiti demi menjayakan kecemerlangan sukan di peringkat universiti dan juga kebangsaan.

## **(6) Pegawai Budiman**

Sebagai seorang yang terpelajar, graduan di UPNM mestilah seorang insan yang budiman sifatnya. Maka, mereka seharusnya memiliki sifat-sifat berani kerana benar, tidak ragu-ragu dalam membuat keputusan, amanah, integriti, jujur, pemurah, berfikiran positif, kreatif dan inovatif, mempunyai perwatakan yang baik, cara berkomunikasi dan profesional, berupaya memberikan nasihat dan motivasi, seorang pakar rujuk dalam bidangnya, suka membantu, boleh berkongsi pendapat, boleh diharap, mengetahui perkembangan di sekeliling, taat kepada agama, dan sebagainya. Kesemua sikap dan sifat positif tersebut bukanlah senang untuk dicapai oleh setiap pelajar di UPNM ini. Maka menjadi cabaran yang besar kepada setiap pensyarah dan juga jurulatih untuk memastikan apa yang dirancang dapat dilaksanakan dengan sebaik dan sesempurna mungkin.

## **KESIMPULAN**

Secara kesimpulannya, keenam-enam atribut yang telah dirangka sejak penubuhan UPNM itu bertujuan membentuk kepemimpinan masa hadapan yang mempunyai ciri-ciri al-Fateh dalam pelaksanaannya. Hal ini demikian kerana bakal pemimpin yang dibentuk di UPNM merupakan mereka yang sebaya dengan Sultan Muhammad al-Fateh semasa beliau berjaya menakluki Kota Konstantinopel. Pembentukan modul-modul latihan sebegini diharapkan berupaya membentuk kepemimpinan bukan hanya dalam bidang ketenteraan, malah dalam bidang-bidang lain bagi memastikan kejayaan organisasi atau institusi yang diceburi mampu bersaingdi peringkat global.

## **RUJUKAN**

- Abdul Aziz Yusof. (2000). Perubahan dan kepimpinan. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Ahmad Ibrahim Abu Sin. (1997). Pengurusan dalam Islam. (cet. kedua). KL: Dewan Bahasadan Pustaka.
- Ahmad Shantut Khalid. (2003). Tarbiyah asyariah: Membina generasi tentera Islam. Terj. Shadiq Khalid. Kakarta: Era Intermedia.
- Burhanuddin, J., Amnah Saayah, I., & Sayuti, A. G. (2019). Peranan Institusi Ketenteraan dalam Membentuk Nilai Kepemimpinan daripada Perspektif Islam. Dalam Khairunneezam, M. N., Jessica, O. H. L., Farhana, S., & Khairunnisa, M. (Peny.). Kepimpinan era moden (139-150). Nilai: Penerbit USIM & UPNM.
- Shaw, S. J. (1976). History of the Ottoman empire and the modern Turkey. Cambridge: Cambridge University Press.



- Hasan Al-Banna, M. (2018). Islam dan Pembentukan Kepimpinan Berkualiti. *Zulfaqar: International Journal of Defence Management, Social Sciences & Humanities*, 1(1), 11-29.
- Imam Ahmad Hanbal. (t.t). *Al-Musnad*. 4/335.
- Kaiser R. B., Hogan, R., & Craig, S. B. (2008). Leadership and the Fate of Organizations. *American Psychologist*, Vol. February - March, 96-110.
- Kertas Putih Pertahanan (KPP). (2019). Kementerian Pertahanan Malaysia. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNB).
- McGonagill, G., & Pruyn, P. W. (2010). Leadership development in the U.S.: Principles and patterns of best practice. [Diambil dari laman sesawang: <http://www.bertelsmannstiftung.de>]. (akses pada 30 September, 2020)
- Muhammad Ali al-Salabi. (2016). *Fatih al-Qastantiniyyah Al-Sultan Muhammad Al-Fatih*. Selangor: Al-Hidayah Publication.
- Muhammad Syaari, A.R. (2015). *Berfikir gaya Al-Fateh*. Selangor: PTS Millenia Sdn. Bhd.
- Noor Azmi Hj Mohd Zainol, Daud Mohamed Salleh, Zahimi Zainol Abidin & Ahmad Azan Ridzuan. (2019a). Model kepimpinan ketenteraan berteraskan Al-Quran dan Sunnah. Dalam Khairunneezam, M.N., Jessica, O.H.L., Farhana, S. & Khairunnisa, M. (Peny.). *Kepimpinan Era Moden* (125-138). Nilai: Penerbit USIM & UPNM.
- Noor Azmi Hj Mohd Zainol, Zahimi Zainol Abidin, Daud Mohamed Salleh & Ahmad Azan Ridzuan. (2019b). Reka bentuk latihan dan pemindahan latihan menurut perspektif Islam. Dalam Khairunneezam, M.N., Jessica, O.H.L., Farhana, S., & Khairunnisa, M. (Peny.). *Kepimpinan Era Moden* (168-182). Nilai: Penerbit USIM & UPNM.
- Ospina, S., Hadidy, W.E., Caisedo, G., & Jones, A. (2011). *Leadership, diversity and inclusion: Insight from scholarship*. New York: Research Center for Leadership in Action.
- Robbins, S.P. (2005). *Organizational behavior*. New Jersey: Prentice Hall.
- Yulk, G. (2008). How Leaders Influence Organizational Effectiveness. *The Leadership Quarterly*, 19, 708-722.
- Zahimi, Z.A. (2017). *Keberkesanan program pengajian pegawai kadet di UPNM terhadap pembentukan karakter kepimpinan*. Tesis PhD (Tidak Diterbitkan). Kuala Lumpur: UPNM.
- Zulkfli Zainal Abidin, Zahimi Zainol Abidin & Burhanuddin Jalal. (2019). *Kepimpinan ketenteraan*. KL: PENERBIT UPNM.